

31 OCT 1997

G15-Ruggiero

PERATURAN WTO MAMPU ATASI KEBIMBANGAN NEGARA MEMBANGUN, KATA RUGGIERO

KUALA LUMPUR, 31 Okt (Bernama) -- Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) sudahpun mempunyai peraturan bagi mengatasi sebarang kebimbangan negara-negara membangun berkaitan isu liberalisasi, kata Ketua Pengarahnya Renato Ruggiero.

"Peraturan memang sudah ada dan ia mampu mengatasi apa juga kebimbangan yang dibangkitkan," katanya.

Beliau diminta mengulas kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa globalisasi dan deregulasi yang dipelopori oleh WTO akan gagal jika peraturan baru tidak diperkenalkan bagi meliputi semua negara.

Ketika ditanya oleh pemberita sebelum menghadiri dialog dengan menteri perdagangan dan ekonomi negara-negara G15 di sini hari ini, Ruggiero yang berkata beliau belum membaca kenyataan Perdana Menteri itu, menjelaskan bahawa setiap kebimbangan negara-negara membangun berhubung isu liberalisasi telahpun dibincangkan.

Satu daripada kebimbangan yang dibangkitkan oleh negara-negara membangun ialah masalah perlindungan.

"Masalah perlindungan ini telah dibincangkan dan saya beri jaminan (di sini) bahawa dalam sistem ini, terdapat perlindungan secara am dan khusus," katanya.

Isu perlindungan khususnya dalam meliberalisasi perkhidmatan kewangan telah juga dibangkitkan dalam perbincangannya dengan Datuk Seri Anwar Ibrahim di sini pagi tadi.

Sambil menyifatkan pertemuannya dengan Anwar itu sebagai "amat baik", Ruggiero berkata mereka membincangkan masalah dan sumbangan liberalisasi perkhidmatan kewangan tetapi tidak kejatuhan nilai mata wang di Asia Tenggara kebelakangan ini.

Katanya liberalisasi perkhidmatan kewangan boleh membantu menyelesaikan krisis kewangan yang sedang berlaku.

Ketika menghuraikan bagaimana liberalisasi dapat menyumbang ke arah menyelesaikan isu itu, Ruggiero berkata: "Apa yang kita sedang buat ialah untuk cuba menyediakan keadaan yang membolehkan bank asing serta institusi insurans atau kewangan antarabangsa bergerak atau membuka gabungan di negara lain dengan keadaan yang serupa (dengan pihak tempatan).

"Ini adalah proses yang kita anggap sebagai proses berperingkat dan yang akan mewujudkan kepakaran, kemampuan dan modal baru," katanya.

Ketika ditanya mengenai proses liberalisasi perkhidmatan kewangan di kalangan negara-negara membangun, Ruggiero berkata beliau mendapat gambaran bahawa setiap negara mempunyai komitmen terhadap liberalisasi.

"Tidak ada yang berundur dan ini amat penting. Saya menghargai keazaman negara-negara ini yang bergerak ke hadapan," katanya.

Beliau yakin bahawa dalam beberapa minggu akan datang ini setiap negara akan dapat mengemukakan tawaran masing-masing ke arah liberalisasi.

"Terdapat kecenderungan yang menggalakkan," katanya.

Rundingan berhubung liberalisasi perkhidmatan kewangan dijangka diselesaikan Disember ini.

Ketika ditanya pendapat WTO mengenai saranan Malaysia agar urus niaga mata wang menjadi telus, Ruggiero berkata: "Kami tidak mempunyai pendapat kerana kami tidak mengendali masalah akaun modal.

"Kami hanya mengendalikan masalah perdagangan dan kami berpuas hati dengan kecekapan saya dalam urusan perdagangan. Saya tidak mahu terlibat dalam masalah yang bukannya tanggungjawab saya." -- BERNAMA

JR MAI